

**Kerajaan Tarik Balik Pindaan Terhadap Akta Kesalahan Pilihan Raya  
Bernama  
09 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Kerajaan menarik balik pindaan terhadap Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 kerana mendapat tentangan daripada ahli Parlimen kedua-dua belah pihak kerajaan dan pembangkang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata kerajaan, pihak pembangkang dan Suruhanjaya Pilihan Raya (EC) hari ini mencapai persetujuan menarik balik Rang Undang-Undang (Pindaan) Kesalahan Pilihan Raya itu.

"Esok saya akan membentangkan satu usul di Dewan Negara untuk menarik balik rang undang-undang berkenaan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini Rabu.

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-Undang tersebut pada 19 April setelah dibahaskan oleh anggota Parlimen selama tujuh jam.

Mohamed Nazri berkata selain pendirian anggota Parlimen mengenai perkara berkenaan, pendapat orang ramai juga memainkan peranan dalam keputusan menarik balik Rang Undang-Undang itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=664937>